

Fenomena selfie beri faedah atau bawa padah?

Menjadi satu kebiasaan kepada seseorang yang gemar bergambar sendiri untuk menggunakan istilah selfie apabila gambar-gambarnya memenuhi laman sosialnya dan dikomen oleh rakan-rakan alam maya.

Apa itu selfie? Selfie adalah perbuatan mengambil gambar sendiri menggunakan telefon bimbit atau webcam atau apa juga alat elektronik yang mempunyai kamera dan kemudian dimuat naik ke laman sosial individu itu seperti instagram, facebook, wechat dan sebagainya. Pada asalnya, ia dikenali sebagai *self-portrait* dalam bahasa Inggeris dan kemudian disingkatkan menjadi selfie.

Dikatakan bahawa sejarah perbuatan selfie ini bermula sejak tahun 1920 yang mana gambar selfie pertama diambil oleh Joe Byron di atas sebuah bumbung bangunan di New York. Gambar selfie itu kemudian ditayangkan di Muzium Bandaraya New York untuk dijadikan tatapan orang ramai.

Jadi fenomena dunia

Kini selfie telah menjadi fenomena yang kian popular di seluruh dunia terutama bagi mereka yang suka menangkap gambar sendiri. Malah fenomena ini tidak mengira usia baik golongan remaja mahupun dewasa.

Jika seseorang itu menangkap gambar sendiri untuk tatapan diri sahaja dan tidak disiarkan di mana-mana laman sosial, maka ia bukanlah diistilahkan sebagai selfie.

Persoalannya adakah perbuatan selfie ini mendatangkan faedah atau membawa padah kepada seseorang?

Pada 3 Mac lepas, berlaku kejadian



Ada yang berpendapat selfie dikategorikan sebagai **masalah kecelaruan personaliti**. [GAMBAR HIASAN]

dua gadis mati lemas ketika sedang mandi di Sungai Lebir Manik Urai Lama, Kuala Krai. Insiden itu berlaku gara-gara kedua-duanya sedang asyik merakam gambar selfie bersama-sama.

Mengikut kenyataan daripada rakan mangsa, mereka dikatakan bergambar menggunakan telefon bimbit sebelum tergelincir dan di-hanyutkan arus sungai.

Di London pula, seorang remaja lelaki, Danny Brown, 19, yang terlalu taksub selfie menghabiskan masa 10 jam sehari untuk mengambil hampir 200 keping gambar dirinya menggunakan telefon pintar. Beliau juga sanggup berhenti sekolah, tidak keluar rumah selama enam bulan dan menurunkan berat badannya sehingga 12 kilogram hanya

semata-mata untuk menjadikan dirinya kelihatan sempurna apabila bergambar.

Selain itu, ada juga segelintir masyarakat yang berselfie' tidak kena pada tempatnya. Contohnya merakamkan aksi selfie ketika dikejjar oleh kerbau di Texas. Golongan ini tidak mementingkan keselamatan asalkan dapat berselfie walaupun perlu berhadapan dengan situasi ekstrem dan boleh membahayakan diri sendiri.

Masalah psikologi

Ada juga yang berpendapat bahawa seseorang yang gemar bergambar selfie ini dikategorikan sebagai seorang yang mempunyai masalah kecelaruan personaliti.

Mengikut Pakar Perunding Psikiatrik dan Psikologi, Dr Wan Mohd Rushidi Wan Mahmud, selfie mungkin menunjukkan ciri-ciri narcisistic (suka diri sendiri) yang ada pada diri mereka. Dalam erti kata lain, mereka ingin menonjolkan keistimewaan yang dimiliki oleh mereka yang mana kadangkala tidak terserlah di mata orang jika tidak ditonjolkan secara begitu.

Katanya lagi, orang yang mempunyai kecelaruan personaliti mempunyai sifat yang perlukan pujian dan sanjungan berterusan daripada orang lain, dan kepercayaan bahawa mereka adalah seseorang yang istimewa dan berhak mendapat tempat di hati masyarakat.

Namun, jika dilihat di negara Barat kini terdapat arah aliran baharu iaitu trend 'selofies' yang mana seseorang itu mengambil gambar sambil memakai pita pekat di seluruh mukanya kemudian memuat naik di laman sosial individu itu untuk dijadikan santapan mata orang ramai.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
bh.com.my**

Individu yang mengikut arah aliran ini sanggup bersusah payah membalut wajah mereka dengan pita pekat sehinggakan wajah mereka kelihatan hodoh hanya semata-mata untuk dijadikan bahan ketawa dan nampak melucukan.

Inilah hakikatnya apabila dunia semakin maju, alat elektronik semakin canggih, malah pemikiran manusia semakin jauh ke hadapan yang mana kadangkala ia melebihi batas pemikiran seseorang itu.

Sudah menjadi lumrah manusia yang sentiasa ingin mencetuskan suatu inovasi yang boleh diaplikasikan dan menjadi ikutan ramai dalam kehidupan seharian seperti selfie ini.

Namun seseorang itu perlulah bijak berfikir apabila ingin mengikuti arah aliran baharu yang diperkenalkan sama ada ia mendatangkan faedah atau membawa padah kepadanya.

Fathiah Md Hata
Universiti Sains Islam Malaysia